

TARIKH IKLAN : 28 JULAI 2025



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**



KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **220901 : Kawalan Serangga Perosak, Anti Termite (Perlu Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak Dari Jabatan Pertanian)** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :

BIL	NO. DAN TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG	TARIKH TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN MASA TUTUP TAWARAN SEBUTHARGA
1.	PPN.PK. (SH) 94/2025 (HL) Perkhidmatan Pembersihan, Rawatan Anai-Anai, Kawalan Makhluk Perosak (<i>Pest Control</i>) dan Semburan Pengwasapan Thermal (<i>Fogging</i>) serta <i>Larvaciding</i> di Dalam dan Luar Bangunan Seluruh Taman Eko- Rimba Negeri Perak	220901	Tarikh : 04 Ogos 2025 (Isnin) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 2, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : Mulai 04 Ogos 2025 (Isnin) Tempat : Seksyen Hutan Lipur & Eko Pelancongan, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 11 Ogos 2025 (Isnin) Masa : 12.00 Tengahari

Hanya penama syarikat yang berdaftar di dalam SSM sahaja yang layak menyertai sesi taklimat ini. Sila bawa bersama kad pengenalan, dokumen SSM dan KKM semasa sesi taklimat sebutharga.

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak sebutharga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dokumen berikut untuk semakan :
 - a) **Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
 - b) **Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan**
 - c) **Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).**
3. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **04 Ogos 2025 (Isnin) sehingga sebelum tutup Sebutharga** pada waktu pejabat di Seksyen Hutan Lipur & Eko Pelancongan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
4. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos / Bank Deraf / Debit** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama **Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang bernilai RM 150.00** bagi tahun semasa.
5. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebelum atau pada 11 Ogos 2025 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari.**

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

Disahkan Oleh:



(RUSLI BIN TAHIR)

Timbalan Pengarah (Pembangunan)

b.p Pengarah Perhutanan Negeri,
Perak Darul Ridzuan.